

# Ikuti kami

Follow us

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Public Service Department

Perkembangan Terkini

Our Latest Updates

**facebook**  
PASKOM

Foto/Aktiviti/Tips  
Photos/Events/Tips



**facebook JPA**

Iklan/Tawaran/Pekeliling  
Advertisements/Offers/Circular



Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Mohamad Zabidi Zainal

@ZabidiZainal




**twitter JPA2day**

Foto/Aktiviti/Tips  
Photos/Events/Tips



**Instagram JPA2day**

Foto/Aktiviti/Tips  
Photos/Events/Tips



**Maklumat lanjut, sila layari:**

Further information please visit:

[www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

03-8000 8000



Sumbangan Berita: Warga JPA

Penerbitan : Pasukan Komunikasi, Jabatan Perkhidmatan Awam

Percetakan : Unit Dokumentasi, Jabatan Perkhidmatan Awam

Buletin ini juga boleh dilayari secara digital di Portal JPA

**TRANSFORM**



**Edisi Khas Bencana >>**

- ♦ Misi Bantuan Kemanusiaan Banjir JPA4U di Kg. Gajah, Perak, Kuala Krai dan Kota Bharu, Kelantan dan Kemaman, Terengganu.
- ♦ Misi Bantuan Intervensi Krisis Pantai Timur

KUPASAN PERJALANAN TRANSFORMASI JPA



ISU  
**15**

22-31 DIS 2014

# SEKITAR

## MISI BANTUAN KEMANUSIAAN BANJIR JPA4U

Pada 31 Disember 2014, Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bersama Pasukan Sukarelawan JPA4U telah turun padang ke Perak bagi melawat mangsa banjir di kawasan Lambor Kiri, Lambor Kanan, Changkat Lada dan Kampung Gajah, Perak. Lawatan yang disertai 30 orang sukarelawan JPA bergerak ke Perak pada jam 6.00 pagi menggunakan bas Transform JPA. Sewaktu melawat kawasan banjir, Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal mendengar taklimat yang diberikan berkenaan kejadian banjir, sebelum dibawa melihat kawasan. Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal turut mengambil kesempatan singgah ke penempatan mangsa banjir di Sekolah Menengah Kebangsaan Lambor Kiri, Perak dan beramah mesra bersama kanak-kanak yang terlibat dengan musibah ini.



## SAMB. MISI BANTUAN KEMANUSIAAN BANJIR JPA4U DI KG. GAJAH, PERAK, KUALA KRAI DAN KOTA BHARU, KELANTAN DAN KEMAMAN, TERENGGANU.

Pada 1 dan 2 Januari 2015 jam 11.00 pagi, Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal dan sejumlah 15 orang sukarelawan JPA4U turun ke Kelantan untuk Misi Kemanusiaan Sumbangan Bantuan JPA4U. Sebuah lori dan sebuah van digunakan sebagai pengangkutan ke sana. Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal telah meninjau keadaan kawasan yang terjejas akibat banjir dan bertemu dengan para petugas di pusat pemindahan banjir di Kuala Krai dan Kota Bharu di samping melihat perkhidmatan yang disediakan bagi meredakan kesulitan mangsa banjir di kawasan tersebut.

Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal juga mengambil kesempatan beramah mesra bersama kakitangan Hospital Kuala Krai dan Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu. Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal juga diberi taklimat mengenai keadaan banjir di negeri Kelantan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Faudzi Haji Che Mamat, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Taklimat ini juga disertai oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Madinah Mohamad, Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Farida Mohd. Ali, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan, Ketua-ketua Jabatan dan wakil-wakil Jabatan serta Universiti di peringkat negeri.

Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal merakamkan ucapan terima kasih di atas pengorbanan para sukarelawan, pegawai dan kakitangan hospital dalam urusan banjir di Kuala Krai terutamanya khidmat bakti kepada pesakit. Yang Berbahagia Tan Sri KPPA juga menekankan semangat kerjasama berpasukan dari pelbagai Jabatan dan Agensi di bawah payung perkhidmatan awam bagi memudahkan urusan terutamanya bagi menghadapi situasi banjir yang berlaku.



## MISI BANTUAN INTERVENSI KRISIS PANTAI TIMUR

Pada 30 Disember 2014 sehingga 1 Januari 2015, *Malaysian Crisis Intervention Team* (MCIT) telah menjalankan misi untuk membantu mangsa-mangsa bencana banjir dengan mengadakan kolaborasi bersama Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kementerian Pengangkutan Malaysia dan PERKESO, Kementerian Sumber Manusia.

Seramai 50 orang anggota MCIT menggunakan 11 buah kendaraan 4WD telah menyertai misi ini. Anggota MCIT terdiri daripada Pegawai Psikologi kementerian dan jabatan. Misi kali ini bergerak menuju ke empat buah negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak. Seramai 63 orang anggota telah terlibat menjalankan tugas menyampaikan intervensi krisis. 34 orang anggota telah bertugas di Kelantan, 16 orang bertugas di Terengganu, tujuh orang di Pahang dan enam orang di Perak. Seramai 335 orang mangsa banjir terlibat dengan psikopendidikan dan seramai 94 orang mangsa banjir telah menjalani intervensi krisis.

